

15/08/1997

Pegawai awam tidak perlu pekeliling isytihar cenderamata

KUALA LUMPUR, Khamis - Pegawai perkhidmatan awam tidak akan diberi pekeliling atau garis panduan baru berhubung bentuk hadiah atau cenderamata yang boleh diterima kerana peraturan sedia ada mencukupi.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata kini, tiada peraturan khusus mengenai bentuk hadiah yang perlu diisytiharkan kepada Perbendaharaan Negara.

"Ini berikutan peraturan yang mengkehendaki pegawai awam mengisytiharkan hadiah atau cenderamata yang bernilai sudah termaktub dalam peraturan atau panduan tatatertib perkhidmatan awam.

"Bagaimanapun, kita akan melihat perkembangan perkara ini dan jika keadaan memerlukan, mungkin pekeliling itu akan di keluarkan.

"Buat masa ini tidak perlu kerana peraturan sedia ada sudah mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Kualiti dan Pelancaran Logo Institut Diplomatik dan Hubungan Luar Negara (IDFR) di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad; bekas Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Ketua Pengarah IDFR, Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Abdul Halim berkata, peraturan sedia ada jelas memperuntukkan semua pegawai perkhidmatan awam perlu mengisytiharkan hadiah atau cenderamata bernilai yang diterima kepada Perbendaharaan.

"Pengisytiharaan itu termasuk barangan yang diterima daripada pihak tertentu yang meragukan atau boleh ditafsirkan sebagai rasuah oleh masyarakat," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, bahawa kerajaan akan mengeluarkan garis panduan berhubung bentuk hadiah yang boleh diterima pemimpin politik.

Dr Mahathir berkata, garis panduan itu penting bagi mengelak sesetengah pihak membuat anggapan kononnya hadiah atau cenderamata berkenaan juga sebagai satu bentuk rasuah.

Sementara itu, Abdul Halim berkata, diplomat yang bertugas di luar negara perlu melengkapkan diri dengan pelbagai cabang ilmu bagi memudahkan tugas mereka.

(END)